

Headline	Melaka akan bantu usahawan		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	02 Sep 2019	Color	Full Color
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	27	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	518 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,827
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 14,481



Melaka akan bantu usahawan

MELAKA: Kerajaan negeri Melaka sentiasa peka dengan potensi bidang usahawanan yang menyumbang kepada ekonomi negeri serta rakyat khususnya usahawan wanita dan akan berusaha untuk membantunya.

Ketua Menteri Adly Zahari berkata ia penting kerana kebanyakan usahawan baharu yang menceburi bidang perniagaan memerlukan bantuan terutama lokasi niaga yang bersesuaian, berpatutan dan berdaya maju untuk

mereka memulakan operasi.

Justeru, katanya, pembukaan Bazar Melaka di Kota Tun Fatimah di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka di sini merupakan platform terbaik untuk usahawan wanita menjalankan perniagaan mereka selain ia mampu merancang semula pusat komersil tersebut.

"Setelah kira-kira 10 tahun Kota Tun Fatimah yang sebelum ini dikenali sebagai Kota Fesyen beroperasi, pusat perniagaan

ini masih lesu, tidak berdaya serta tidak mendapat sambutan daripada para usahawan.

"Ia seolah-olah menjadi projek gajah putih berikutan kurangnya aktiviti perniagaan, dengan premis ditutup dan pemilik premis menghadapi kesukaran mencari penyewa," katanya kepada pemberita selepas merasmikan bazar tersebut, di sini, semalam.

Kota Tun Fatimah yang berkeluasan 4.16 hektar dengan sejumlah 173 unit kedai dua tingkat itu

dibangunkan pada 2007 dengan kos pembangunan RM52 juta.

Mengulas lanjut, Adly berkata Bazar Melaka itu menyediakan sebanyak 110 tapak perniagaan untuk usahawan wanita selain 10 tapak bagi perniagaan 'food truck' yang akan beroperasi tiga hari seminggu iaitu pada Jumaat, Sabtu dan Ahad bermula 5 petang hingga 1 pagi.

Beliau berkata bazar itu terbahagi pada dua komponen utama iaitu Bazar Melaka yang menjual barangan seperti pakaian, gajet komunikasi, kraf-tangan, aksesori wanita, produk kesihatan serta barangan keperluan harian dan Pasar Agro-Best yang menawarkan produk pertanian daripada Lembaga Pemasaran Per-

tanian Persekutuan (Fama).

Menurutnya, peniaga akan dikecualikan bayaran sewa tapak selama enam bulan dan mereka hanya perlu membayar yuran pendaftaran sebanyak RM250 sahaja.

"Yuran itu akan dipulangkan semula kepada peniaga dalam bentuk khemah dan apron untuk kegunaan mereka dan kita akan memantau perkembangan perniagaan mereka dari semasa ke semasa supaya ia menguntungkan," katanya.

Sementara itu, Adly berkata, pusat kebajikan 'Tienda CMO Prihatin' yang menjual pelbagai

barangan terpakai termasuk pakaian pada harga yang murah akan turut beroperasi di bazar tersebut.

Katanya ia bertujuan memberi peluang pada golongan yang kurang berkemampuan atau sesiapa sahaja untuk mendapatkan barangan sumbangan orang ramai daripada pusat kebajikan tersebut dan hasil jualan akan diagihkan kepada golongan memerlukan di negeri itu. - Bernama



TERTARIK ... Ketua Menteri Melaka Adly Zahari (dua, kanan) melawat gerai jualan selepas merasmikan Bazar Melaka yang dibuka di Kota Tun Fatimah, Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka semalam. Sebanyak 110 tapak perniagaan dibuka untuk usahawan wanita selain 10 tapak bagi perniagaan 'food truck' yang akan beroperasi tiga hari seminggu iaitu pada Jumaat, Sabtu dan Ahad bermula 5 petang hingga 1 pagi. • Foto BERNAMA



RASMI ... Ketua Menteri Melaka Adly Zahari (dua, kanan) merasmikan Bazar Melaka yang dibuka di Kota Tun Fatimah, Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka semalam. Sebanyak 110 tapak perniagaan dibuka untuk usahawan wanita selain 10 tapak bagi perniagaan 'food truck' yang akan beroperasi tiga hari seminggu iaitu pada Jumaat, Sabtu dan Ahad bermula 5 petang hingga 1 pagi. •Foto BERNAMA